

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG

SOALAN : NO. 115

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah statistik bayaran balik oleh peminjam Pinjaman Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) setakat Januari 2016 dan berapakah jumlah peminjam yang telah disenarai hitamkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2015 seramai 1,879,460 peminjam PTPTN perlu membayar balik berjumlah RM15.33 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,216,477 atau 64.7 peratus peminjam telah mula membayar balik dengan amaun kutipan sebanyak RM7.14 bilion atau 46.6 peratus. Bilangan peminjam yang masih gagal membuat bayaran balik ialah seramai 662,983 melibatkan amaun tertunggak berjumlah RM5.40 bilion manakala RM2.79 bilion baki tertunggak adalah daripada peminjam yang membuat bayaran balik lebih rendah daripada ansuran yang ditetapkan. Dalam tempoh yang sama, seramai 135,048 peminjam telah disenarai hitam dan dilarang keluar negara oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Kementerian melalui PTPTN sentiasa berusaha meningkatkan prestasi bayaran balik melalui kempen-kempen kesedaran, insentif bayaran balik dan tindakan penguatkuasaan.